

# GPMS mahu penguasaan jadi agenda negara

**BH** 23 NOV 2000

KUALA LUMPUR, Rabu – Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang mempunyai 400,000 anggota dan pertubuhan seumpamanya yang tertua di negara ini, mahu penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar dijadikan agenda negara.

Ke arah itu, Presidennya Datuk Suhaimi Ibrahim mengulangi seruan GPMS supaya sekolah aliran Inggeris diwujudkan semula dari peringkat pra-sekolah bagi menyediakan asas yang kukuh kepada pelajar dalam penguasaan bahasa itu.

Suhaimi berkata apa yang diperlukan sekarang ialah keazaman politik oleh pucuk pimpinan negara serta rakyat untuk mem-

betulkan apa yang beliau sifatkan sebagai "kesilapan sejarah".

Dalam temuramah khusus mengenai bahasa Inggeris dengan Bernama di sini, beliau berkata kesilapan sejarah itu telah menyebabkan sistem pendidikan negara gagal menyediakan peluang sewajarnya kepada pelajar untuk menguasai satu bahasa yang menjadi bahasa ilmu, khususnya dalam bidang perniagaan dan teknologi maklumat di peringkat global.

Beliau merayu semua pihak supaya bersikap rasional dan bukan emosional dan tidak sewenang-wenangnya menuh apa-apa usaha untuk meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris

di negara ini sebagai tidak patriotik atau tidak nasionalistik.

Katanya beliau telah menjelajah ke seluruh pelusuk negara berjumpa pelajar dan ibu bapa yang rata-rata kecewa dengan keadaan sekarang.

Bahasa Inggeris walaupun begitu penting sebagai bahasa ilmu dipinggirkan oleh sistem pendidikan oleh kerana negara tidak mempunyai guru bahasa itu yang mencukupi, terutama di kawasan luar bandar.

Selain pelajar, GPMS yang kini berusia 52 tahun dianggotai oleh guru, pensyarah dan belia daripada pelbagai bidang profesional.

"Oleh kerana kebanya-

kan pelajar Melayu datang dari luar bandar, sebahagian besar mereka lemah dalam bahasa Inggeris. Keadaan ini harus diperbetulkan dan dijadikan bukan sekadar usaha Kementerian Pendidikan tetapi satu agenda negara," kata Suhaimi yang dalam temuramah itu memberi pelbagai pandangan yang berterus terang, berani dan tegas.

"Jika ini tidak dilakukan secara bersungguh-sungguh mulai sekarang, saya khuatir Malaysia yang dipimpin oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekarang tidak mungkin dapat menjadi negara yang cemerlang di peringkat global pada masa akan datang," katanya.